

22/08/1997

Undang-undang seragam elak percanggahan fatwa

Kamal Ahmad; Meor Hisham Zulkifli

KUASA mufti seperti yang dinyatakan dalam Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam Wilayah Persekutuan 1993 adalah sebagai membantu serta menasihati Yang di-Pertuan Agong dalam semua perkara membabitkan undang-undang Islam.

Mufti juga adalah tokoh paling utama dalam undang-undang Islam selepas Yang di-Pertuan Agong.

Dengan itu, jelas mufti mempunyai peranan penting menangani isu agama di negeri beliau dilantik. Berdasarkan kedudukan itu, masyarakat sering terkeliru dengan kenyataan mufti dan menganggap pandangannya mengenai sesuatu isu atau permasalahan adalah fatwa.

Keadaan itu sebenarnya tidak memenuhi maksud Seksyen 34 (2) Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam Wilayah Persekutuan yang menyatakan kenyataan mufti hanya dianggap fatwa apabila ia diwartakan.

Dalam konteks ini, Seksyen 34 (1) menerangkan, atas permintaan Yang di-Pertuan Agong atau menerusi daya usahanya atau menerusi permintaan masyarakat melalui surat kepada mufti, mufti boleh membuat fatwa bagi menyelesaikan pertelingkahan atau menjawab isu kontroversi berkaitan syariah.

Dalam konteks berkenaan, sejajar perkembangan semasa dan usaha kerajaan memartabatkan undang-undang Islam melalui cadangan mengadakan penyelarasan undang-undang Islam serta mahkamah syariah; kedudukan mufti dalam usaha penyeragaman itu tidak dapat tidak akan disentuh.

Ia penting kerana ada ketikanya kenyataan atau fatwa yang dikeluarkan oleh mufti di sesebuah negeri bercanggah dengan negeri lain.

Sebelum ini, kita sering mendengar rungutan kalangan masyarakat berikutan ketidakselarasan undang-undang syariah yang memerlukan penyeragaman sebagaimana dilakukan jawatankuasa khas yang dipengerusikan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Melalui cadangan itu, perkara yang diputuskan mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) Umno baru-baru ini ialah ulama tidak lagi dibenarkan mengeluarkan fatwa sewenang-wenang, mewartakan dan kemudian membatalkannya sehingga boleh memburukkan imej Islam, kata Dr Mahathir selepas mempengerusikan mesyuarat itu.

Penyeragaman itu juga untuk memastikan mufti mengeluarkan fatwa sesuai dengan perkembangan semasa dan tidak bercanggah dengan fatwa negeri lain.

Selain itu, ia bertujuan memastikan fatwa yang dikeluarkan sudah dibincangkan oleh jawatankuasa yang membabitkan pelbagai golongan berpelajaran tetapi tidak semestinya berkaitan Islam saja.

Mesyuarat lebih 50 cendekiawan Islam dan 14 mufti di Langkawi diharap mencetuskan kesepakatan ulama dan kerajaan. Kesepakatan dan kesefahaman itu sangat penting demi melicinkan usaha menyeragamkan gerak jentera mahkamah syariah dan undang-undang Islam di seluruh negara.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr Abdul Hamid Othman, menegaskan, penyeragaman itu tidak akan menyentuh kewibawaan ilmu dan institusi ulama serta hukum syarak sedia ada atau mempertikaikan golongan cedik pandai agama.

Sebaliknya, ia bagi memastikan setiap fatwa mempunyai ketentuan sama ada perlu diwartakan atau sebaliknya, dengan satu pemikiran muktamad yang tidak berubah selepas diwartakan.

"Pada masa ini, kebanyakan ketetapan yang diputuskan tidak diwartakan sehingga menimbulkan kekeliruan masyarakat. Kini sampai masanya penyelarasan dibuat dan sekali gus kerajaan negeri diberikan hak atau

mempunyai peluang campur tangan apabila fatwa itu hendak diwartakan," katanya.

Dalam konteks ini, sebenarnya negara sudah mempunyai Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan dianggotai 14 mufti dari semua negeri. Jawatankuasa itu berperanan membincang dan mengeluarkan fatwa bagi kepentingan masyarakat dan negara.

Penyelarasan itu juga bertujuan memperkukuhkan struktur Jabatan Agama Islam, institusi mufti dan meningkatkan keberkesanan penguatkuasaan undang-undang syariah.

Usaha juga harus dilakukan untuk memperkukuh struktur Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan supaya peranan mereka lebih terfokus dan cemerlang. Selain itu, satu perkara yang perlu dikawal ialah kekeliruan yang berlaku sekarang jangan dibiarkan menjadi kontroversi dan memalukan umat Islam sendiri.

Dr Abdul Hamid menegaskan, teguran kerajaan mengenai penahanan tiga gadis Islam yang menyertai pertandingan ratu cantik di Selangor baru-baru ini hanya menjurus soal bagaimana pentadbiran hukum syarak itu boleh diperbaiki dan bukan mempertikai hukum syarak termasuk fatwa mufti.

Beliau memberi contoh, dalam sejarah Islam al-Quran menyebut harta rampasan perang perlu dibahagi kepada tentera yang berperang tetapi pada zaman pemerintahan Khalifah Umar, apabila Iraq ditawan tentera Islam, beliau tidak membahagikan tanah di negeri itu kepada tenteranya kerana muslihat negara.

Ini kerana tentera yang berperang ketika itu tidak tahu bertani sedangkan kawasan berkenaan adalah tanah pertanian. Pada masa yang sama, tentera berkenaan akan kembali ke Makkah dan Madinah serta menimbulkan soal tuan punya dan pengusahanya.

"Banyak protes terhadap tindakan Saidina Omar sehingga ada mengatakan beliau tidak patuh kepada al-Quran tetapi sebenarnya beliau bukan menolak hukum pembahagian tetapi cara pembahagian itu. Lebih baik membahagikan hasil daripada membahagikan tanah," katanya sambil menegaskan contoh itu menunjukkan tindakan Saidina Umar hanya menyentuh soal pentadbiran dan untuk memenuhi keperluan siasah syariah ketika itu.

Selain itu, semua pihak harus sedar, usul agama adalah antara perkara yang akan diperbahaskan dalam Perhimpunan Agung Umno, September ini. Kalangan pembahas sama seperti isu lain sebelum ini, akan menghentam sesiapa yang dimaksudkan sehebat-hebatnya tanpa batasan. Imbas saja perbahasan, umpamanya isu kekebalan raja, rasuah dan politik wang dalam Umno serta ketuanan Melayu - semua isu itu dibahaskan secara terbuka, menggerun dan menaikkan semangat.

Oleh itu, isu tiga gadis yang ditangkap kerana menyertai pertandingan ratu cantik di Selangor baru-baru ini yang mencetuskan kekeliruan kononnya kerajaan mempertikaikan hukum syarak dan mufti, harus dikawal daripada mencetuskan reaksi negatif.

(END)